

Forum Malaysia - Uzbekistan di UPSI perkasa peluang pendidikan tinggi

Tanjong Malim, 3 Februari - Kejayaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menganjurkan Forum Pendidikan Tinggi Malaysia - Uzbekistan Kali Pertama yang berlangsung di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City sebagai satu kejayaan yang memberi impak positif terhadap peluang melonjakkan pendidikan tinggi antara kedua negara.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir dalam ucapan perasmianya menyifatkan inisiatif UPSI menganjurkan majlis forum berkenaan sebagai usaha terbaik dalam memperkukuhkan pendidikan tinggi kedua negara. Beliau berkata antara pencapaian utama forum itu adalah pemeteraian beberapa Memorandum Persefahaman (MoU), Letter of Intent dan Letter of Agreement antara institusi pengajian tinggi dari kedua-dua negara.

"Pemeteraian ini mencerminkan komitmen kukuh kedua-dua negara dalam memperluaskan kerjasama akademik, penyelidikan, pertukaran pelajar dan staf akademik, serta inisiatif bersama dalam pembangunan kapasiti. Selain itu, katanya, forum ini turut menyaksikan penubuhan Konsortium Pendidikan Tinggi Antara Malaysia-Uzbekistan (MUHEC) yang diterajui oleh UPSI sekali gus menjadi platform strategik untuk menggalakkan mobiliti akademik, projek penyelidikan bersama, dan perkongsian amalan terbaik dalam pendidikan tinggi. "Usaha ini diharapkan dapat membuka lebih banyak peluang untuk pelajar, ahli akademik, dan penyelidik dari kedua-dua negara, sekaligus menyumbang kepada pembangunan modal insan berkualiti tinggi di peringkat global."

Forum yang membabitkan pembentang oleh akademia Malaysia dan Uzbekistan itu antara lain membincangkan topik berkaitan sains dan inovasi

dalam pendidikan tinggi, sosioekonomi dan kerjasama strategik untuk kelestarian pembangunan, ekonomi hijau dan pelancongan, Revolusi Industri 5.0, Kecerdasan Buatan (AI) dan Meta-Teknologi serta perbankan Islam dalam era teknologi kewangan. Menteri Pendidikan Tinggi, Sains dan Inovasi, Uzbekistan, The Hon. Konratbay Sharipov dalam ucapannya yakin kunjungan sempena forum itu akan membuka jalan kepada perkongsian dan persahabatan yang lebih bermakna dan inisiatif pendidikan yang transformatif malah mengeratkan hubungan silaturahim dan kerjasama antara Malaysia dan Uzbekistan. Sementara itu Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata forum yang bertujuan mengukuhkan hubungan kerjasama antara institusi pendidikan tinggi Malaysia dan Uzbekistan itu membuka peluang lebih luas dalam meneroka peluang dan inisiatif dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Selain itu, katanya, ia menampilkan inovasi dan pencapaian pendidikan tinggi kedua-dua negara malah membuka peluang untuk menjadi sebahagian daripada inisiatif negara serta bersama UPSI dalam memperkasa pendidikan tinggi ke peringkat global.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI Beri Bantuan Persekolahan Anak-anak Kakitangan

Tanjong Malim, 6 Februari - Seramai 53 kakitangan UPSI melibatkan 190 orang anak-anak kakitangan menerima bantuan persekolahan dengan peruntukan keseluruhan peruntukan sebanyak RM16,670.00.

Sumbangan ini adalah daripada dana zakat yang diuruskan oleh pihak Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS). Sumbangan disampaikan oleh Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, Naib Canselor UPSI di Atrium, Bangunan Canselori, UPSI. Dalam

ucapannya Datuk menyatakan penghargaan pada Pengarah dan warga WEZAS atas usaha memberikan bantuan ini. Beliau juga memaklumkan pelbagai inisiatif lain juga turut diberikan kepada staf seperti pinjaman tanpa faedah, pinjaman perkerusi roda elektrik yang diuruskan oleh Bahagian Sumber Manusia.

UPSI juga merupakan Universiti pertama yang memberi bantuan kerusi elektrik ini. Di akhir ucapan Datuk mengharapkan

penerima berkongsi rezeki melalui bantuan ini bersama dengan ibu bapa dan memanfaatkan sebaiknya bagi persediaan persekolahan anak-anak. Turut hadir ke majlis ini adalah Prof. Madya Dr. Mohd Abdul Nasir bin Abd. Latif, Pengarah WEZAS. Pegawai-pegawai dan seluruh kakitangan WEZAS, Puan Mahanum binti Muhammad Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia UPSI dan En. Mohd Saiful Lizan bin Mohd Lajis, Pengerusi Kesatuan Pegawai Am UPSI (KPA).

UPSI kongsi kepakaran bersama ASWARA laksana MySIS

Tanjong Malim, 7 Februari - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang tersohor dalam melahirkan guru pelbagai bidang dalam pendidikan di sekolah menerima kunjungan hormat delegasi Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) Jumaat lalu.

Delegasi ASWARA diketuai oleh Rektor ASWARA, Prof. Dr. Tan Awang Besar itu turut disertai Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Prof. Ts. Dr. Khairul Azril Ismail; Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan

Alumni), Prof. Madya Ts. Dr. Zulkifli Ab Rashid (Timbalan Rektor HEPA) bertujuan membuka jaringan baharu antara kedua institusi.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata lawatan ASWARA itu menjadi satu langkah penting dalam memperkukuh kerjasama strategik, memperluas jaringan serta menghasilkan inovasi yang memberi impak kepada kedua-dua institusi.

"Kedua-dua institusi juga boleh berkongsi

kepakaran dalam pelbagai bidang antaranya bidang seni dan persembahan yang bukan sahaja akan memanfaatkan kedua-dua pihak, tetapi juga akan menyumbang kepada pembangunan profesional bakat seni di Malaysia secara keseluruhan," katanya.

Beliau berkata UPSI mempunyai Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP) yang melahirkan guru-guru muzik yang hebat dan berbakat yang berkhidmat di sekolah-sekolah arus perdana serta sekolah seni seluruh negara.



Ts. Dr. Suzita Ramli Hasilkan Pengawet Makanan Semula Jadi – CENTAS PLUS

Centas Plus (CP) ialah pembersih dan pengawet makanan semula jadi yang diperbuat daripada Centella asiatica (pegaga). Ia bertujuan mengatasi pencemaran patogen bawaan makanan dalam hasil segar yang mudah rosak kerana kandungan lembapan dan nutrien yang tinggi. Pengawet sintetik walaupun berkesan, mempunyai risiko kesihatan menyebabkan permintaan meningkat terhadap alternatif semula jadi.

Buah-buahan dan sayur-sayuran segar mudah rosak kerana terdedah kepada pencemaran mikrob dan perubahan warna akibat pengoksidaan polifenol. Enzim seperti polyphenol oxidase (PPO) dan phenylalanine ammonia-lyase (PAL) mempercepatkan proses ini, menjejaskan rupa dan jangka hayat penyimpanan. CP diformulasikan

dengan ekstrak C. asiatica, air steril, cuka putih, dan gliserin berasaskan tumbuhan. Ia dapat memanjangkan jangka hayat buah dan sayur yang telah dipotong sehingga lima hari dalam penyimpanan sejuk dan dua belas jam pada suhu bilik. Sebatian bioaktifnya, termasuk flavonoid dan triterpenoid, mempunyai sifat antimikrob dan antioksidan, mengurangkan beban mikrob serta masalah perubahan warna. CP berkesan dalam menghalang patogen bawaan makanan seperti Escherichia coli, Listeria monocytogenes, dan Salmonella Typhimurium dengan mengganggu membran sel mikrob. Ia selamat untuk dimakan, mesra alam, dan sesuai untuk semua peringkat umur.

Mudah digunakan, CP boleh disembur atau disapu pada hasil segar tanpa perlu dibilas. Ia mencegah

perubahan warna sambil mengekalkan warna dan tekstur asal. Disimpan di bawah 25°C atau dalam peti sejuk, CP kekal berkesan sehingga tiga tahun.

CP menawarkan penyelesaian semula jadi, selamat dan berkesan untuk mengekalkan kesegaran serta keselamatan makanan. Selain itu, artikel mengenai Centas Plus telah dipaparkan dalam akhbar Harian Metro dan Suara Merdeka serta disiarkan dalam segmen Buletin Didik di NTV7. Centas Plus turut dipamerkan di Pameran Ciptaan, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX 2021) dan Persidangan dan Ekspo Antarabangsa mengenai Ciptaan oleh Institusi Pengajian Tinggi (PECIPTA 2022) serta ia telah dianugerahkan pingat emas dalam kedua-dua pameran tersebut.

